



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[*Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)*]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8000 8000 / 03-8870 1000

Faks : 03-8888 6904 / 03-8888 4855

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

Ruj. Kami : KP/MAQIS/125/5 Jld. 7 (54)
Tarikh : 3 Januari 2019

Pengarah MAQIS Negeri Johor

Kompleks Sultan Abu Bakar
Tanjung Kupang
81560 Gelang Patah
Johor.

Tuan,

PELEPASAN IMPORT DI PELABUHAN PASIR GUDANG BAGI KONSAINAN YANG MASUK MELALUI PELABUHAN TANJUNG PELEPAS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, pelepasan konsainan yang diimport boleh dilakukan dalam dua (2) keadaan,

- (i) Pelepasan di pintu masuk konsainan diimport; dan
- (ii) Pelepasan di pintu masuk lain daripada pintu masuk konsainan diimport dimana pergerakannya dikawal dengan Borang Kastam K8.

3. Dalam situasi kemasukkan di pintu masuk Pelabuhan Tanjung Pelepas dan pelepasan di pintu masuk Pelabuhan Pasir Gudang, ianya tertakluk kepada perkara (ii). Oleh yang demikian, kelulusan pelepasan import akan dilakukan selepas pemeriksaan oleh Pegawai MAQIS di pintu masuk Pelabuhan Pasir Gudang. Dalam keadaan ini, Surat Kelulusan Transit tidak diperlukan.

4. Namun demikian, pegawai MAQIS perlu memeriksa dan memastikan dokumen berikut yang dikemukakan oleh pihak syarikat adalah lengkap dan merupakan dokumen asal sewaktu pelepasan:

- a) Borang Kastam K8
- b) Permit Import (Kolum Pintu Masuk/*Entry Point* haruslah dinyatakan Pelabuhan Pasir Gudang)
- c) Lain-lain Dokumen Sokongan seperti Sijil Fitosanitasi / Sijil Kesihatan Veterinar / Sijil Kesihatan, *Bill of Lading*, *Packing List*, Inbois, Surat Kelulusan tertentu dan lain-lain dokumen berkaitan.

Ruj. Kami : KP/MAQIS/125/5 Jld. 7 (54)
Tarikh : 3 Januari 2019

4. Tindakan pelepasan perlu direkodkan untuk tujuan penyimpanan data dan rujukan di masa hadapan. Perhatian dan kerjasama pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CHE AN BINTI MOHD JONED)

Timbalan Ketua Pengarah

b/p Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Putrajaya

- s.k
- i. Ketua Pengarah MAQIS, Putrajaya
 - ii. Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan
 - iii. Ketua Pintu Masuk MAQIS Pelabuhan Tanjung Pelepas
 - iv. Ketua Pintu Masuk MAQIS Pelabuhan Pasir Gudang